

**SOALAN NO. : 23**

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK JUMAT BIN IDRIS [SEPANGGAR]**

**SOALAN:**

**Datuk Jumat Bin Idris [Sepanggar] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan adakah Kementerian mempunyai perancangan untuk membina tebatan banjir untuk sungai Kitabu dan Kawakaan yang terletak di kawasan DUN Inanam, Parlimen Sepanggar.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di- Pertua,

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) buat masa ini, buat masa ini, tiada perancangan untuk membina projek tebatan banjir untuk Sungai Kitabu dan Kawakaan yang terletak dalam Dewan Undangan Negeri Kawasan Inanam, Parlimen Sepanggar kerana kepadatan penduduk di kawasan tersebut adalah rendah dan banjir di sekitar kawasan tersebut tidak melibatkan kawasan penempatan. Bagi langkah jangka pendek, program pembersihan dan pengorekan sungai berkenaan akan dilaksanakan berdasarkan keperluan semasa. Walau bagaimanapun Kementerian akan mempertimbangkan permohonan projek tebatan banjir di kawasan tersebut di dalam perancangan di masa hadapan.